



ASAS-ASAS AJARAN BUDDHA SEBAGAI PERBANDINGAN AGAMA¹

Mohd Ridhuan Tee Abdullah
Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Umum dan Bahasa
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

Abstrak

Kemunculan ajaran Buddha di China merupakan salah satu peristiwa yang penting dalam sejarah peradaban China. Ajaran Buddha mempunyai pengaruh yang kuat terhadap peradaban tersebut. Namun, kekeliruan seringkali timbul apabila membincangkan tentang ajaran Buddha. Ia bukan hanya berlaku di kalangan mereka yang bukan beragama Buddha, malahan pengikut agama Buddha itu sendiri. Ajaran Buddha melarang sama sekali penganutnya menyembah atau mendewa-dewakan Buddha. Buddha hanya mahukan pengikut-pengikutnya mengikut segala ajaran dan kebaikan nilai yang dibawa. Ini kerana, ajaran Buddha membawa nilai baik dan bersifat universal. Sesiapa yang menyembah Buddha bermakna telah terkeluar daripada landasan agama. Kertas kerja ini cuba mengkaji latar belakang Buddha, ajaran yang disampaikan dan perbandingan dengan agama Islam. Perbandingan akan dibuat dengan melihat persamaan dan perbezaan. Mudah-mudahan hasil kajian dapat merungkaikan kekeliruan yang timbul.

Pengenalan

Sinddhartha Gautama (563-483 Sebelum Masehi) berasal daripada India, seorang putera raja Hindu berkasta tinggi, seorang suami dan bapa yang baik. Walaupun Buddha berketurunan bangsawan, beliau mempunyai peribadi mulia, berhemah tinggi dan bersifat penyayang. Buddha amat prihatin terhadap mereka yang hidup menderita di luar istana.

¹ Kertas kerja ini dibentangkan dalam Seminar Krisis Murtad, anjuran Persatuan Ulama' Malaysia Cawangan Selangor (PUMCS), Persatuan Pegawai Syariah Malaysia (PPSM) dan Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 30 Mei 2009, bertempat di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam., Selangor Darul Ehsan



Kehidupan istana yang penuh kemewahan dan penderitaan hidup di luar istana dilihat sebagai sesuatu yang tidak adil.

Lantaran itu, ketika berumur 29 tahun, selepas putera pertama lahir, Buddha mengambil keputusan meninggalkan istana dengan sehelai sepinggang, tanpa membawa apa-apa, demi mencari kebenaran hakiki. Manusia perlu melalui kesusahan dan kesengsaraan dalam memahami hakikat kehidupan yang sebenar. Kesenangan dan kemewahan akan melalaikan manusia jika tidak diuruskan dengan betul.

Peribadi mulia Buddha amat disenangi oleh rakyat jelata ketika itu. Maka tidak hairan jika ajaran Buddha mendapat sambutan yang hebat daripada golongan marhaen. Namun, Buddha sentiasa mengingatkan pengikut-pengikutnya agar tidak menyembahnya. Apa yang dituntut untuk diikuti adalah mengikut ajaran yang dibawa bukan kerana dia ketokohnya. Mereka yang menyembah dan memuja beliau tidak akan dapat diselamatkan (salvation).

Di negeri China, Buddha dikatakan muncul semasa pemerintah Maharaja Ming (58-78 M) atau mungkin sebelum masa itu lagi (Fung Yu-Lan, 2006). Manakala di Malaysia, Buddha telah dikatakan telah bertapak sejak kurun ke 14 Masehi, dengan dipengaruhi oleh tradisi dan budaya Hindu (K. Sri Dhammananda, 2000).

Fakta ini menunjukkan bahawa Buddha telah muncul lebih kurang 1000 tahun sebelum kelahiran Nabi Muhammad SAW, selepas agama Hindu². Hart (2006) meletakkan Buddha ditempat ke-4 (Konfucius ke-5, Lao Tzu ke-75) dalam senarai 100 tokoh yang paling berpengaruh di dunia. Dalam hal ini, sudah tentulah tokoh yang paling hebat, yang dinobatkan ditempat pertama adalah Nabi Muhammad SAW³.

² Agama Hindu dikatakan telah muncul sejak 3228 SM. Ini bermakna, agama Hindu telah bertapak lebih daripada 4000 tahun sebelum kemunculan agama Islam.

³ Untuk keterangan lanjut mengenai kehebatan 100 tokoh ini, sila rujuk Hart, Michael, 2006. Senarai 100 Tokoh Yang Paling Berpengaruh Dalam Sejarah. Kuala Lumpur: Golden Books Centre Sdn Bhd.



Maksud Buddha

Buddha bermaksud "one who has been awakened" (orang yang diberi petunjuk). Akar kata Buddha datang dari perkataan "budh", membawa maksud "to awaken" or "to be enlightened", and "to comprehend". Dalam versi lain disebut sebagai "a Supremely Enlightened One or Fully Awakened One" (<http://www.fundamentalbuddhism.com/buddhism.htm>)

Seperti yang telah disebut, Buddha menuntut pengikut-pengikutnya mengamalkan ajaran dan pengalaman yang dilalui. Pengalaman yang dilaluinya dapat mengajar manusia memahami kehidupan yang sebenar.

The Buddha introduced a righteous way of life for us to follow after having himself experienced the weaknesses and strengths of human mentality. During the early part of his life as a young man he experienced worldly pleasures just like any other human being (K. Sri Dhammananda, 2000: 28)

Ajaran Buddha hendaklah diikuti dengan kefahaman jelas dan bukan mengikut dengan membabi-butu. Mereka yang mengikut ajaran Buddha adalah penganut Buddha yang sebenar.

The Buddha advised mankind to follow his teachings and practice diligently what he preached in order to gain salvation. In fact, we cannot call ourselves followers of the Buddha if we merely follow him blindly by just regarding him as a powerful master. What the Buddha expected of us is to live in accordance with the Dharma. Only then can we truly say to all that we do follow the Buddha (K. Sri Dhammananda, 2000: 29)

Buddhism teaches followers to perform good and wholesome actions, to avoid bad and harmful actions, and to purify and train the mind. The aim of these practices is to awaken the practitioner to the realization of true reality and the achievement of Nirvana. (<http://www.newsdialog.com/religion/buddhism/buddhist-basics.html>. dilayari 7 Mei 2009)



Semua hujah ini menunjukkan bahawa Buddha menyeru manusia melakukan kebaikan. Buddha tidak mengamalkan unsur penyembahan. Ini bermakna, Buddha tidak menyembah berhala. Persoalannya, adakah Buddha merupakan salah seorang daripada ribuan Nabi? Kajian selanjutnya perlu dilakukan. Apa yang jelas, ajarannya amat menarik sekali untuk dibincangkan dan mempunyai beberapa persamaan dengan ajaran Islam.

Agama Orang Cina

Orang Cina menganut ajaran yang berbagai. Mereka tidak mempunyai anutan ajaran agama yang khusus. Mereka boleh menganut tiga ajaran sekali gus seperti ajaran Buddha, fahaman Konfucius dan ajaran Toa (Lao Tzu). Ketiga-tiga ajaran ini telah muncul sebelum kelahiran Nabi Muhammad. Orang Cina tidak berpegang kepada hanya satu pegangan. Pegangan hidup mereka boleh jadi satu, dua, tiga atau kesemua sekali.

Hujah ini menunjukkan bahawa orang Cina agak terbuka kepada fahaman-fahaman baru, jika kita berjaya meyakinkan mereka. Justeru, tidak hairan jika ramai orang Cina yang memeluk agama Islam jika betul cara dakwahnya. Malangnya, tidak banyak tumpuan dakwah diberikan terhadap orang Cina dengan metodologi yang betul.

Di Malaysia, orang Cina yang memeluk agama Islam tidak sampai satu peratus (Lee Kam Hing dan Tan Chee-beng, 2000). Bermakna, jika penduduk Cina berjumlah 6.5 juta, bermakna Cina Muslim berada dalam sekitar 60 ribu sahaja. Perkembangan ini agak perlahan berbanding mereka yang memeluk agama Kristian.

Persoalannya, kenapakah agama Kristian lebih mendapat perhatian orang Cina (India) berbanding agama Islam? Sedangkan kita tahu bahawa dari segi rasional, logik, hujah, kebenaran dan sebagainya, agama Islam mengatasi yang lain? Soalan ini perlu dijawab oleh pemimpin Negara dan umat Islam. Perlu ditegaskan bahawa kehebatan dan kebenaran Islam turut diperakui oleh orang bukan Islam dan orientalis bukan Islam (Ahmad Deedat, 2003)



Asas-Asas Ajaran Buddha

Pengajaran Buddha berasas kepada Empat Kebajikan Kebenaran (The Four Noble Truth) (Hart, 2006 dan J.Jagadeesan 1991).

1. Kehidupan manusia pada asalnya tidak bahagia = **Dukkha** (The Existence of Sorrow)
2. Punca tidak bahagia adalah kerana memikirkan kepentingan diri sendiri serta dibelenggu oleh nafsu = **Samudaya** (The Cause of Sorrow)
3. Pemikiran kepada pentingnya diri sendiri dan nafsu dapat dikawal apabila nafsu dan keinginan dibuang, disebut sebagai nirvana = **Nirodha** (The Cessation of Sorrow)
4. Menimbang, berfikir, berbicara, membuat sesuatu, mencari nafkah, berusaha, mengingat dan meditasi dengan kebenaran = **Marga**. Tambahan pula, agama ini terbuka kepada sesiapa sahaja tanpa mengira ras. Ini yang membezakan dengan agama Hindu (the Way which leads to the cessation of Sorrow)

Berasaskan kepada 4 ajaran asas ini, Buddha mahukan pengikut menjalani kehidupan ini dengan penuh kebenaran dan kerukunan (sathya). Perkara-perkara yang merosakkan mesti dijauhi bagi mengelakkan kemusnahan dan keruntuhan moral manusia. Terdapat 8 pegangan utama Buddha untuk mendapatkan kebenaran, yang kenali sebagai “Noble Eight Fold Path”:

(Panna = Wisdom)

1. Kepercayaan yang benar = Samma ditthi (right understanding – free from superstition and delusion)
2. Tujuan atau cita-cita yang betul = Samma sankappa (right thoughts – high and worthy of the intelligent)

(Sila = Morality)

3. Pertuturan yang baik = Samma vaca (right speech – kindly, open and truthful)



4. Perbuatan yang betul = Samma kammanta (right action – peaceful, honest and pure)
5. Hidup yang betul = Samma ajiva (right livelihood – bringing hurt or danger to no living beings)

(Samadhi = Meditation)

6. Usaha yang benar = Samma vayama (right effort – in self-training and in self-control)
7. Fikiran yang betul = Samma sati (right mindfulness – the active watchful mind)
8. Renungan yang baik = Samma samadhi (right concentration – in deep meditation on the realities of life)

(The Principles of Buddhism. http://www.religion-religions.com/html/sub_chapter.php?select =budah000200&religion=Buddhism. Dilayari 21 Mei 2009. Lihat juga, J.Jagadeesan, 1991: 24, K. Sri Dhammananda, 2000)

Berpandukan kepada kepada 8 kebenaran utama inilah akan terbit perlakuan yang betul (right-conduct) atau Dharma. Buddha menggariskan beberapa peraturan yang perlu dipatuhi oleh pengikutnya yang dikenali sebagai *The Five Precepts*.

1. Abstain from killing living beings (Jangan membunuh hidupan bernyawa)
2. Abstain from taking that which not given (stealing) (Jangan mencuri)
3. Abstain from sexual misconduct (Jangan berzina = pergaulan luar batas)
4. Abstain from incorrect speech (lying, harsh language, slander, idle chit-chat) (jangan berdusta atau menuturkan perkara-perkara yang tidak baik)
5. Abstain from distilled substances that confuse the mind. (Alcohol and drugs) (Jangan minum arak, mengambil dadah (rokok) atau perbuatan yang boleh merosakkan minda dan perlakuan)

(The Principles of Buddhism. http://www.religion-religions.com/html/sub_chapter.php?select =budah000200&religion=Buddhism. Dilayari 21 Mei 2009)



Ada pendapat yang mengatakan larangan tersebut adalah perintah yang mesti dijaui, bukan sekadar isu moral semata-mata. Selain daripada 5 larangan di atas, terdapat juga 5 larangan yang perlu diikuti iaitu:

1. Jangan mengguna sebarang wangi-wangian
2. Jangan menonton atau mendengar sebarang hiburan
3. Jangan tidur di atas katil besar/luas
4. Jangan memakai emas perak
5. Jangan makan selepas tengahari

Mesej ini membawa maksud bahawa Buddha melarang pengikut-pengikut hidup mewah dan berhibur. Kemewahan dan hiburan akan menyebabkan manusia lalai dan melupakan tanggungjawabnya. Hiburan adalah merosakkan kerana terdapat aktiviti-aktiviti tidak bermoral ketika berhibur. Tujuan hiburan hari ini adalah untuk mengautkan keuntungan bukan mendidik.

When you enter a place where they perform such entertainments, you can see for yourself how the organizers of such entertainments try to influence your mind. Their main purpose of course is to make easy money. They are not in the least worried about the adverse effects such shows would have on human values, religions and culture (K. Sri Dhammananda, 2000: 26)

Menurut ajaran asal Buddha, berhibur memang tidak dibenarkan. Namun setelah masa berlaku, pendakwah Buddha mengatakan bahawa hiburan dibolehkan asal tidak melampaui batas. Pada mereka, Buddha menggalakkan pertunjukkan seni dan budaya tetapi hendaklah jangan sampai merosakkan maruah manusia.

Sebenarnya terlalu banyak ajaran Buddha yang menyeru ke jalan mulia. Nilai-nilai baik itu adalah nilai-nilai kemanusiaan yang tidak membawa kepada keburukan dan kemudaratan sama ada kepada manusia mahukan makhluk lain.



The distinctive signs of true religion are goodwill, love, truthfulness, purity, nobility of feeling and kindness (J. Jagadeesan, 1991: 24)

The main purpose of practicing Buddhism is:

To gain peace and happiness within this life,

To have a contented and fortunate life hereafter and finally,

To achieve the ultimate aim of life: everlasting happiness or supreme bliss.

(K. Sri Dhammananda, 2000: 37)

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, maka pengkaji dapat simpulkan bahawa ajaran Buddha adalah ajaran yang baik dan sesuai diamalkan oleh manusia ketika itu. Buddha tidak hanya mengajak pengikut-pengikut mengamalkan ajaran yang dibawa, tetapi mereka juga perlu berpegang kepada tiga teras kepercayaan utama dalam menuju matlamat kehidupan sebenar iaitu Nirwana⁴.

1. Percaya kepada Buddha/enlightenment
2. Percaya kepada karma/syariat (perbuatan baik membawa kesan yang baik)
3. Percaya kepada sami/ulamak

Berdasarkan kepada fakta di atas, ternyata ajaran Buddha berteras kepada kebenaran bukan penyembahan kepada patung-patung Buddha sebagaimana yang berlaku pada hari ini. Penganut-penganut Buddha hari ini sebahagiannya sudah tersasar jauh daripada ajarannya yang sebenar. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk memperbetulkan keadaan ini dan seterusnya berdakwah kepada mereka.

Orang Cina (bukan Islam) perlu disedarkan akan hakikat agama Buddha yang sebenar, bukan menokok tambah ajaran tersebut sehingga menyeleweng. Jika perkara ini dapat dilakukan, bermakna kita akan dapat mencari titik pertemuan atau persamaan untuk menyelamatkan manusia daripada terjerumus ke lembah yang hina.

⁴ Nirwana ialah bahagia, gembira dan ketenangan abadi melepaskan diri daripada segala ikatan duniawi.



Kesimpulan

Selepas Buddha meninggal dunia, ajaran ini berkembang secara perlahan-lahan. Pada abad ke-3 SM, seorang Maharaja India, Asoka memeluk agama Buddha, ajaran Buddha berkembang begitu pesat. Pada zaman pemerintahan Asoka, ajaran Buddha tidak hanya berkembang di India, malahan ke seluruh rantau Asia Tenggara, selatan dan juga utara. Ajaran Buddha tidak asing di negeri-negeri seperti Tibet, Afghanistan, Jepun Korea, China dan Asia Tengah (Hart, 2006). Fakta ini menunjukkan bahawa peranan pemimpin atau raja amat penting dalam menyebarkan dan melindungi agama di sesebuah Negara. Ini terbukti dengan kedatangan Islam ke Alam Melayu termasuk Malaysia. Apabila rajanya memeluk Islam, agama Islam berkembang begitu pesat. Justeru, mereka perlu menunjukkan contoh teladan yang terbaik sepertimana yang dilakukan oleh Buddha dan pengikutnya selepas itu.

Melalui hasil kajian, ternyata ajaran yang dibawa tidak ada yang bertentangan secara jelas dengan agama Islam, malah sesuai dengan keadaan ketika itu. Ini bermakna, Buddha mungkin salah seorang daripada utusan Allah SWT yang diutuskan kepada umat ketika itu. Adalah tidak mustahil juga bahawa Buddha merupakan salah seorang nabi daripada ribuan Nabi yang dilantik oleh Allah SWT. Apapun, kajian lanjut perlu dilakukan untuk mendapatkan fakta-fakta yang lebih konkrit.

Perlu ditegaskan, apa jua perkara yang dibincangkan janganlah sampai wujud kepercayaan bahawa agama lain lebih baik daripada Islam. Persamaan yang dikemukakan dalam kertas ini bukanlah bertujuan untuk menyamakan agama Islam dengan agama Buddha. Fokus utama pengkaji adalah untuk menerangkan bahawa semua agama menyeru kepada kebaikan. Apa yang sebenarnya diharamkan dalam Islam seperti isu arak, judi, zina, pergaulan luar batas, membuka aurat dan sebagainya juga disebut dalam agama lain. Justeru, tidak timbul bahawa agama Islam adalah agama yang ekstrim mengharamkan ini dan itu, sebagaimana yang didakychkan oleh sesetengah pihak. Ini adalah nilai-nilai universal atau hak Tuhan (Allah SWT). Justeru, hak Tuhan perlu dipertahankan apabila berlaku pertembungan dengan hak-hak asasi manusia dan bukan



sebaliknya. Hari ini ada yang sanggup mempertahankan hak-hak asasi manusia sekalipun ia jelas bertentangan dengan hak-hak Tuhan. Tindakan sebegini adalah suatu kesesatan dan penyelewengan. Ini kerana hak Tuhan terlalu mulia, suci dan benar seperti yang ditegaskan oleh Sri Sathya Sai Baba:

ALL RELIGIONS are facets of the same TRUTH. All scriptures are holy; all places of worship are holy. All religions are seeking the one and the same GOD, although they may call him by different names (J. Jagadeesan, 1991: 8)

Sebagai seorang Islam, kita sudah tentu tidak dapat menerima kata-kata ini, Allah SWT yang kita maksudkan berbeza dengan Tuhan yang mereka sembah. Tetapi dari sudut teknik berdakwah, kita kena menerima kata-kata ini agar tidak menyinggung perasaan penganut-penganut agama lain. Dengan sebab itu, dalam dialog peradaban agama, kita tidak digalakkan bercakap di khalayak bahawa agama Islam yang terbaik berbanding agama lain. Sejurus mendengar sahaja kata-kata ini, mereka yang bukan Islam akan berkata, agama mereka juga adalah yang terbaik. Akhirnya, matlamat dakwah atau dialog tidak kesampaian. Apa yang lebih penting adalah menonjolkan nilai-nilai kebersamaan agar Islam tidak dilihat sebagai agama yang asing atau ekstrim.



Rujukan

Ahmad Deedat, 2003. *The Choice Islam and Christianity*. Kuala Lumpur: Jasmine Enterprise

Fung Yu-Lan, 2006. *Sejarah Ringkas Falsafah Cina*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Hart, Micahel, 2006. *Senarai 100 Tokoh Yang Paling Berpengaruh Dalam Sejarah*. Kuala Lumpur: Golden Books Centre Sdn Bhd.

J. Jagadeesan, 1991. *Unity of Faiths*. Western Australia: Sathya Sai Centre

K. Sri Dhammananda, 2000. *How to Practice Buddhism*. Kuala Lumpur: Sasana Abhiwurdhi Wardhana Society.

Lee Kam Hing dan Tan Chee-Beng, 2000. *The Chinese in Malaysia*. Selangor: Oxford University Press

Ling Liong Sik, 1995. *The Malaysian Chinese Towards Vision 2020*. Selangor; Pelanduk Publications.

Jeffrey Seow, Xu Hui dan Adam Sia, 1998. *The Complete Analects of Confucius Volume 3*. Singapore: Asiapac Books Pte Ltd.

Mohd Ridhuan Tee Abdullah, 2008. *Persepsi Pelajar Cina di IPT Terhadap Gerakan Politik UMNO*. Tesis Ph.D. Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia.

<http://www.newsdialog.com/religion/buddhism/buddhist-basics.html>. dilayari 7 Mei 2009

The Principles of Buddhism. http://www.religion-religions.com/html/sub_chapter.php?select=budah000200&religion=Buddhism. Dilayari 21 Mei 2009

Fundamental Buddhism Explained Summary. <http://www.fundamentalbuddhism.com/buddhism.htm>. dilayari pada 25 Mei 2009



Lampiran 1

Kata-kata Popular Konfucius (J. Jagadeesan, 1991)

- Never to do others what you would not like then to do to you
- We have not yet learned to know life. How can we know about death?
- If the ruler is virtuous, the people will also be virtuous

- Absorption, in the study of the supernatural is most harmful. To devote oneself earnestly to one's duty to humanity, and while respecting the spirits, to keep them at a distance may be called wisdom
- You do not know how to serve man, yet how can you ask about serving God?
- There are three kinds of friendships which are profitable, and three which are detrimental. To make friends with the upright, with the trustworthy, with the experienced, is to gain benefit, to make friends with the subtly perverse, with the artfully pliant, with the subtle in speech, is detrimental.
- All man are good at birth. But not many remain so to the end
- Truth is the law of God. Acquired truth is the law of man
- The relation between superiors and inferiors is like that between the wind and the grass. The grass must bend when the wind blows across it
- The blood of life is love, and the virtue its backbone. Without virtue, life cannot stand, and without love, life is death
- Decorum rules conduct, music rules emotions
- Whoever mistreats himself cannot be advised. Whoever throws himself away cannot be helped
- If you want to rule the state, first put your house in order. If you want to put your house in order, first cultivate yourself morally. If you want to cultivate yourself morally, first put your heart right. To put your heart right, you must be sincere (Ling Liang Sik, 1995: 83)
- A gentleman should abstain from three things. In one's youth, when the vital energy (Qi) is underdeveloped, refrain from lusting the opposite sex. When one has matured, and the vital energy is at the prime, refrain from being bellicose (ganas). When one is old and the



vital energy is waning, refrain from avarice (tamak)” (Jeffrey Seow, Xu Hui dan Adam Sia, 1998: 188)

Kata-Kata Popular Buddha (J. Jagadeesan, 1991)

- The fault of others is easily perceived, but that of oneself is difficult to perceive. A man winnows his neighbour’s faults like chaff, but his own faults he hides, as a cheat hides the false die from the gambler
- Goodwill towards all beings is the true religion; cherish in your hearts boundless good will to all that lives
- The distinctive signs of true religion are goodwill. Love, truthfulness, purity, nobility of feelings and kindness
- Hatreds never cease by hatred in this world. By love alone they cease. This is an ancient law
- Who Serveth others Serveth men
- Let a man overcome anger by love



Lampiran II

PRINCIPLES OF BUDDHISM

The Triple Gem

Buddhists seek refuge in what are often referred to as the Triple Gem, Three Jewels or Triple Jewel. These are:

- 1. The Buddha:** Awakened one, enlightened one. The original nature of the heart; the attainment of Nirvana.
- 2. The Dharma (Dhamma):** The body of teachings expounded by the Buddha. The nature of reality.
- 3. The Sangha:** Community of monks and nuns who have become enlightened. Also could be translated as awakened community.

It is impossible to escape one's karma (The universal principle of cause and effect, action and reaction which governs all life).

The one, who is seeking to become enlightened, commits by pursuing enlightenment and following in the footsteps of the people who have followed the path to enlightenment before.

The Three Characteristics of Existence (Dharma seals)

- 1. Anicca:** Impermanent;
- 2. Dukkha:** Unsatisfactory, sorrow;
- 3. Anatta:** Selflessness.

The Six Realms of existence (The six worlds):

- 1. The world of heaven:** The world of enjoyment, pleasure or pleasant things. The condition of heaven is impermanent.
- 2. The world of humans:** In the world of humans, sometimes we are happy, sometimes we are sad.
- 3. The world of asuras:** This is the world of fighting, or strife.
- 4. The world of hungry spirits:** This is the realm of dissatisfaction, not being content. The state of having endless unsatisfied desires, or greed. Figuratively speaking, always being hungry.
- 5. The world of animals:** It is the realm lacking reason, causing hardships or suffering to self, and to others. Being without reason dominated by one's desires.
- 6. The world of hell:** Hell refers to the realm of suffering. The state of suffering and pain.



The Five Hindrances (Obstructions):

Sensuous lust, Aversion and ill will, Sloth and torpor, Restlessness and worry, Skeptical doubt

The Four Sublime States

- 1. Metta:** Delight in Kindness
- 2. Karuna:** Compassion
- 3. Mudita:** Joy. Appreciation of good qualities in people
- 4. Upekkha:** A peaceful mind.

The Ten Factors of Perfection (Nirvana):

Giving, Duty, Renunciation, Insight, Courage, Patience, Truth, Resolution, Loving-kindness, Serenity

The Five Aggregates (Skandhas):

- 1. Rupa (Form):** Earth, Wind, Fire, Water
- 2. Vedana (Feeling):** Pleasant, Unpleasant, Neutral Feelings arise when there is contact between the six internal organs (Eye, ear, nose, tongue, body and mind) and the six external objects (Sight, sound, odor, taste, touch and mental presentation).
- 3. Samjna (Perception):** related to the six external objects.
- 4. Samskara (Volition):** is the response of the will to the six external objects.
- 5. Vijnana (Consciousness):** the six senses.

Other Principles and Practices:

They are **Meditation**, **Karma** and **Samsara** (cycle of rebirth)

The Principles of Buddhism. http://www.religion-religions.com/html/sub_chapter.php?select=budah000200&religion=Buddhism. Dilayari 21 Mei 2009



Lampiran III

Religion	Taoism	Buddha	Confucianisme
Time	604 BC	600 BC	551 BC
Founder	Lao Tze	Gautama Buddha	Confucius (Kung Fu-Tze)
Called	Taoists	Buddhists	Confucianists
Origin	CHINA	INDIA	CHINA
Religious book	Tao Te Ching (Bible of Toism)	Dhammapada & Tripitakas (Three baskets) discipline, discourse, ultimate doctrine	5 classics: book of record Ode, Changes, Autumn Annals, History
Belief in ONE supreme GOD/Force/Consciousness called	Tao (Ying/Yang) (opposites) “the way of Heaven)	(State of Buddha/Buddha Consciousness)	Sang Tee: Lord in Heaven (Chang Ti)
Belief in Divine beings subject to or aspects of the ONE supreme	Immortals (Devas) *Bhodhisatvas (modern times)	Devas	Ancestor Worship (Bhodhisatvas –modern times)
Aspects of the ONE “God” “Functional” “Trinity”	Yuen Tze Tien Chun (knowledge) *Tha Siang Lo Kuan (preserver – Rhythm of Rightousness * Thung Tien Chiao Choo (negative qualities)	Silent	Silent on this aspect
Final release from bondage of Human body	Te – Self-Realization)	Nirvana or Enlightenment	Silent of their aspect
Place of worship	Temple	Temple	Temple/Shrine



Lampiran IV

Fundamental Buddhism Explained Summary

The aim of living the path of the doctrine of Buddhism is to plunge into Nirvana. It has Nirvana as its goal. Nirvana is its ending. True Reality realized. The Uncreated, the Unborn, the permanent bliss of Nirvana. The Eightfold Noble Path of Buddhism is the means to this end. Eight activities – a very specific course of actions – that must be simultaneously developed to realize the goal, Nirvana.

The first part of the Eightfold Noble Path is **RIGHT VIEW** or **RIGHT UNDERSTANDING**. This means knowing the Four Noble Truths.

The First Noble Truth is the knowledge that **ALL** that has been **CREATED** is **IMPERMANENT**. And whatever is impermanent is inherently **ILL**. And what is impermanent and ill is **SELFLESS**. Two is the knowledge that the arising of ill is based on ignorance and it is perpetuated by the craving and intoxication for sensuality and sensations, becoming and rebecoming, delusion and ignorance.

Three is the knowledge that the **CEASING** of this ill that has arisen, the stopping of all future becomings, is Nirvana. True Reality realized, freed of this ill.

Four is the knowledge of the Eightfold Noble Path that leads to the cessation of this ill and to winning the goal: Nirvana. True Permanent State of Self, Permanent Changeless Absolute Reality **ITSELF**, Suchness, Perfect Wisdom.

The second part is **RIGHT THINKING** or **RIGHT AIM**. This means to aspire to attain realization of Perfect Wisdom, the Ultimate True Permanent Reality. To abstain from all evil acts of thought. To attain the total destruction of all cravings. To renounce all manifesting, all constructions, all that is "created" make-believe.

To develop dispassion, total detachment, absolute renunciation, self-surrender. To bring about the cessation of all "created" realities. To Self-Realize the Incomparable Awakening of Self. To win



the freedom of Mind, the freedom through Perfect Intuitive Wisdom, the sane and immune emancipation of Will.

The third part is RIGHT SPEECH. To abstain from all lying speech, all perjurious speech, all evil abusive speech and all frivolous speech. To engage in speech and discussion that pertains to and leads to Nirvana, to what's actually PERMANENT and REAL.

The fourth part is RIGHT ACTION. To abstain from all killing of all creatures. To abstain from all stealing. To abstain from all sensual and sexual misconduct. To abstain from all evil acts. To abstain from all forms of intoxication.

The fifth part is RIGHT LIVING. To abstain from all evil ways of living; to abstain from all evil methods of livelihood.

The sixth part is RIGHT EFFORT. To destroy all EVIL STATES OF MIND that have already arisen; to keep NEW evil states of mind FROM arising; to maintain and grow GOOD STATES OF MIND that have already arisen; and to make grow NEW good states of mind that have not yet arisen, such as loving kindness for ALL Beings, compassion and pity for ALL creatures, sympathetic joy and equanimity.

The seventh part is RIGHT MINDFULNESS. To contemplate as impermanent, ill and Selfless: Body, Feelings, Perception, Mind, Consciousness, Thought, Mental States, Mental Objects and Mental Activity. To grow revulsion for the world, seeing it for the decaying creation that it is, and to grow dispassion, total detachment, calm, tranquility, seeing that everything is not Self. To disregard all that is perceived, remaining aloof from both the pleasures as well as the pains arising from the creation of senses and sensuality.

The eighth part is RIGHT CONCENTRATION. Aloof from the world, aloof from evil states, aloof from all sensations from the senses, dwelling in solitude, seclusion, ardent, diligent, Self-resolute, develop one-pointedness of Mind through intense meditation and reflection.

To enter in, AND THEN TRANSCEND, eight higher states of consciousness that lead to increasing Intuitive Wisdom, Insight and Direct Super-Knowledge, and to destroying the addictions and cravings, and to realizing True Reality, effectively piercing the shell of ignorance



and delusion. As one attains the higher states of Mind, Consciousness, the true nature of how things really are can be seen clearly, both intuitively and with supreme effort, by direct Super-Knowledge. True Reality unfolding, Self-Enlightenment of Self by Self.

The developed links of the Eightfold Noble Path are these: Purity of Moral Habit is of purpose as far as Purity of Mind; Purity of Mind is of purpose as far as Purity of View; Purity of View is of purpose as far as Purity through Crossing Over Doubt; Purity through Crossing Over Doubt is of purpose as far as Purity of Knowledge and Insight into the Path and what is NOT the Path to True Reality; Purity of Knowledge and Insight into the Path and what is NOT the Path to True Reality is of purpose as far as Purity of Knowledge and Insight into the Course, into Progress along the Path; Purity of Knowledge and Insight into the Course, into Progress along the Path is of purpose as far as Purity arising from Knowledge and Insight; Purity arising from Knowledge and Insight is of purpose as far as Nirvana realized, without any attachment remaining for what was created, impermanent, ill and without essence, Selfless.

The Seven Links of Enlightenment to cultivate begin with MINDFULNESS, contemplating body and feelings, mind and mental states, thought and ideas, ardent, clearly conscious of them and mindful of them so as to control the covetousness and dejection common in the world; followed by INVESTIGATION of the Dharma, learning and remembering the doctrine that leads to True Reality, the Uncreated; followed by ENERGY of effort; followed by ZEST; then TRANQUILITY; then CONCENTRATION; and finally EQUANIMITY.

(Fundamental Buddhism Explained Summary. <http://www.fundamentalbuddhism.com/buddhism.htm>. dilayari pada 25 Mei 2009)